

1980

KUALA LUMPUR, 8 DIS. (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERPENDAPAT KRISIS TENAGA DUNIA MASIH BOLEH MENGUN-
TUNGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN JIKA MEREKA BEKERJASAMA DALAM
SETENGAH-SETENGAH BIDANG PERUSAHAAN.

DALAM HUBUNGAN INI, PEMANGKU PERDANA MENTERI MENYEBUT
INDUSTRI PETROLIAM SEBAGAI SATU BIDANG DI MANA KERJASAMA SEUPAMA
ITU BOLEH DIJALANKAN.

BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN PARA MENTERI DAN P. WAI
JAWATAN-KUASA PENASIHAT PERUNDANGAN ASIA-AFRIKA (AALCC),
BERHUBUNG DENGAN KERJASAMA INDUSTRI SERANTAU DI SINI HARI INI,
BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA AFRO-ASIA MEMILIKI SIMPANAN MINYAK
DAN GAS YANG AGAK BANYAK.

+DENGAN ADANYA SEMANGAT KERJASAMA, KEDAPATAN POTENSI BAGI
DASAR TENAGA YANG BERPAUTAN DAN BAGI PROJEK-PROJEK PERINDUSTRIAN
SECARA RANTAUAN, TERUTAMA BAGI MEMAJUKAN INDUSTRI-
INDUSTRI PETROLIAM HILIRAN+, TAMBAHNYA.

NEGARA-NEGARA MEMBANGUN BOLEH MENENTUKAN PERTUMBUHAN
EKONOMI MEREKA-DENGAN MENGADAKAN LEBIH BANYAK KEGIATAN PENAPISAN
DAN YANG BERKAITAN DI TEMPAT MASING-MASING, DI MANA BARANG-
BARANG KELUARAN BUKAN SAHAJA DIHADKAN UNTUK PENGGUNAAN DALAM
NEGERI TETAPI JUGA BAGI KEPERLUAN NEGARA-NEGARA JIRAN. —
BERSAMBUNG 1735/MD

B571

MAHATHIR-AALCC 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PRINSIP YANG SAMA BOLEH
DIGUNAKAN BAGI LAIN-LAIN BAHAN MENTAH.

- KATANYA, TERDAPAT PELUANG-PELUANG YANG CUKUP BAGI +MEWUJUDKAN+
INDUSTRI-INDUSTRI PEMBUATAN YANG BERASASKAN BAHAN-
BAHAN KELUARAN UTAMA.

INI BOLEH DILAKUKAN SECARA MENGUNTUNGAN KEDUA-DUA BELAH
PIHAK DENGAN KERJASAMA RAPAT ANTARA NEGARA-NEGARA BERKENAAN.

KERJASAMA SEUPAMA ITU TELAH PUN MENJADI SATU KENYATAAN
BAGI NEGARA-NEGARA ASEAN. JELASNYA.

MISALNYA, ASCOPE — PERSATUAN PERBADANAN-~~PERBADANAN~~ NEGARA
MINYAK DI NEGARA-NEGARA ASEAN — MEMPUNYAI PERSETUJUAN DALAM
BERBAGAI BIDANG INDUSTRI PETROLIAM, DARI PENYELIDIKAN DAN
PENGEKALAN HINGGA KE PEMBEKALAN DAN PEMASARAN. —BERSAMBUNG 1738

188

B572

MAHATHIR-AALCC 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN
PERINDUSTRIAN MENGGESA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SUPAYA
MEREPUT PELUANG-PELUANG YANG TIMBUL DARI KRISIS MINYAK
DUNIA SEKARANG UNTUK MEMBINA EKONOMI MASING-MASING DAN
TIDAK SEMATA-MATA MENGATASI MASALAH ITU.

KATANYA, +RAKYAT KETURUNAN CINA DI MALAYSIA MEMPUNYAI LAMBANG
BAGI KRISIS DUNIA INI. LAMBANG ITU MEMPUNYAI
DUA BAHAGIAN — SATU BERMAKNA BAHAYA DAN SATU LAGI BERMAKNA
PELUANG. KITA HENDAKLAH MEREPUT PELUANG-PELUANG DAN TIDAK
CUMA MENGATASI MASALAH ITU+.

SETIAUSAHA AGUNG AALCC, DR. B. SEN, BERKATA PERSIDANGAN ITU
BERHARAP DAPAT MENGGARISKAN STRATEGI BERSAMA BAGI
PELAKSANAAN ORDE BARU EKONOMI ANTARABANGSA.

BELIAU BERPENDAPAT FAKTOR UTAMA DALAM SEKIM KEMAJUAN
EKONOMI INI IALAH PERANAN YANG AKAN DIMAINKAN OLEH NEGARA-
NEGARA PENGELUAR MINYAK. —BERNAMA 1743/MD